

**KENYATAAN SEBUTHARGA NO.JTU 19/2026 (RECALL)
JABATAN TANAH DAN UKUR SABAH**

Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dengan Kod 210101-210106 yang berkenaan bagi sebutharga berikut:

SEBUTHARGA NO JTU 19/2026 (RECALL)

**“MENAIKTARAF PLATFORM ARCGIS ENTERPRISE JTUWMA PRO
JABATAN TANAH DAN UKUR SABAH”**

1. Borang sebutharga, syarat-syarat dan spesifikasi akan dijual secara online melalui JTU e-Commerce di www.jtu.sabah.gov.my mulai tarikh **25 Mac 2026 sehingga 31 Mac 2026** secara online sahaja. Borang sebutharga tidak akan dijual selepas tempoh dinyatakan.
2. Pembekal yang ingin menyertai sebutharga di atas adalah dikehendaki menyediakan RESIT cetakan **FPX/Sabah Pay** bernilai RM 20.00 sebagai bukti bayaran borang sebutharga.
3. Pembelian borang sebutharga secara online adalah hanya kepada pembekal. Untuk maksud ini, pihak pembekal hendaklah mendaftar ke sistem e_Sebutharga JTU (sekali sahaja) serta memasukkan KOD Bidang Bekalan/Perkhidmatan PUKONSA dan Tarikh Tempoh Sah Sijil Pendaftaran PUKONSA di dalam sistem e_Sebutharga. Salinan Sijil Pendaftaran ASAL Pusat pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) hendaklah dimasukkan ke dalam sistem (format pdf/jpg).
4. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri (sealed envelope) dan ditulis pada ruangan di atas dengan butiran seperti berikut:-

SEBUTHARGA NO JTU. 19/2026 (RECALL)

**“MENAIKTARAF PLATFORM ARCGIS ENTERPRISE JTUWMA PRO
JABATAN TANAH DAN UKUR SABAH”**

dan dialamatkan kepada:

**SETIAUSAHA
JAWATANKUASA SEBUTHARGA
JABATAN TANAH DAN UKUR
KOTA KINABALU**

1. Borang sebutharga hendaklah dihantar dan dimasukkan terus ke dalam peti sebutharga (Quotation Box) di Tingkat Bawah, Wisma Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu sebelum jam 10.00 pagi pada **01 April 2026**.
2. Borang sebutharga yang lewat diterima pada waktu yang ditetapkan di atas akan ditolak.
3. Kerajaan tidak terikat dengan tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

PENGARAH
JABATAN TANAH DAN UKUR
WISMA TANAH DAN UKUR
JALAN PERWIRA,
88100 KOTA KINABALU